

U B193 DEB
MAHATHIR - PEKERJA

GRIK, 6 J U L A I (BERNAMA)-- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD
BIMBANG SEJARAH AKAN BERULANG APABILA TENAGA PEKERJA ASING TERPAKSA
DIBAWA MASUK KE NEGARA INI DAN AKHIRNYA MEREKA MENJADI KAYA SEHINGGA
MENIMBULKAN RASA IRI HATI DI KALANGAN PENDUDUK TEMPATAN.

PERDANA MENTERI BERKATA: +SEJARAH MUNGKIN BERULANG APABILA
GOLONGAN INI MENJADI KAYA DAN PENDUDUK TEMPATAN BERASA IRI HATI
TERHADAP MEREKA+.

BELIAU BERKATA, SEMUANYA BOLEH BERLAKU SEKIRANYA PENDUDUK
TEMPATAN TIDAK SANGGUP MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM USAHA PEMBANGUNAN
SEHINGGA KERAJAAN TERPAKSA MEMBAWA MASUK PEKERJA ASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI PULAU
BANDING DEKAT SINI PADA AKHIR LAWATANNYA KE DAERAH HULU PERAK HARI
INI, BAHAWA KETIDAK-SANGGUPAN PENDUDUK TEMPATAN BEKERJA DI LADANG,
TERUTAMA DI LADANG TEH DI DAERAH INI AMAT MENYEDIHKAN MESKIPUN
LADANG ITU MEMPUNYAI POTENSI.

KATANYA, PROJEK LADANG TEH YANG DIUSAHAKAN SECARA
BERPERINGKAT-PERINGKAT OLEH PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERAK
KINI TERPAKSA MENGGUNAKAN 26 PEKERJA DARI BANGLADESH, -- LAGI.

1930MST 06 07 89

D461

U B194 DEB
MAHATHIR - PEKERJA 2 GRIK

BELIAU BERKATA: +ADALAH SESUATU YANG MENGHAIRANKAN APABILA
PENDUDUK TEMPATAN TIDAK BERMINTA BEKERJA DI LADANG ITU SEDANG KERJA
MEMETIK DAUN TEH BUKANLAH MEMERLUKAN KEMAHIRAN MELALUI LATIHAN
INSTITUSI TERTENTU+.

PERDANA MENTERI MENGGESA PENDUDUK DI SELURUH NEGARA BERSEDIA
MENGHADAPI CABARAN DAN SANGGUP BEKERJA KERAS BUKAN SAHAJA UNTUK
KEPENTINGAN DIRI TETAPI DEMI KEMAJUAN NEGARA.

LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE DAERAH ITU MERUPAKAN PERMULAAN
SIRI LAWATANNYA UNTUK MENINJAU KEMAJUAN PEMBANGUNAN DI DAERAH-DAERAH
DI SELURUH NEGARA. -- BERNAMA.

1931MST 06 07 89